

**PERAKUAN CASHLITE**

1. Saya dengan ini mengakui bahawa semua butiran dan maklumat yang diberikan dalam permohonan ini sama ada yang saya isi dan/atau diisi dan dilengkapkan oleh CIMB Bank Berhad ("Bank") berdasarkan maklumat sedia ada saya yang dikekalkan oleh Bank adalah benar, tepat dan lengkap.
2. Saya dengan ini mengakui bahawa Bank diberi kuasa untuk mengesahkan dan/atau mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada mana-mana sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi rujukan/pelaporan kredit seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS"), CTOS Data Systems Sdn Bhd ("CTOS"), dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk memberikan kepada pihak tersebut di atas maklumat yang diperlukan untuk membolehkan Bank mengesah status saya untuk pertimbangan permohonan dan seterusnya, jika permohonan diluluskan untuk tujuan pemberian CashLite dan/atau pemulihan hutang dibawah CashLite; dan/atau tujuan yang berkaitan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.
3. Saya sedar bahawa program CashLite mungkin tertakluk kepada cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai tidak langsung atau cukai pegangan), jika berkenaan, sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau oleh mana-mana kerajaan lain dalam mana-mana bidang kuasa dan saya dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa saya akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai yang perlu dibayar yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada program CashLite dan saya dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun kad kredit saya dengan Bank untuk yang sama.
4. Saya bersetuju dan memberi kuasa kepada mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA") untuk memproses dan mendedahkan sebarang maklumat kredit saya (seperti yang ditakrifkan di bawah CRA) di dalam rekod CRA kepada Bank untuk tujuan memproses atau mempertimbangkan permohonan CashLite termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, semakan penipuan, semakan kredit, pemantauan kredit dan proses pemulihan hutang. Saya selanjutnya bersetuju dan memberi kuasa kepada agensi pelaporan kredit untuk mendedahkan sebarang maklumat kredit saya kepada pelanggan agensi pelaporan kredit untuk tujuan pengesahan penipuan dan pencegahan penipuan.
5. Saya memberi jaminan kepada Bank bahawa saya akan berhati-hati agar tidak menggunakan CashLite untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang dan mengaku janji untuk memberikan Bank kesemua maklumat dan dokumen yang berkaitan, apabila diminta, untuk tujuan pengenalan saya dan/atau pengesahan tujuan saya menggunakan CashLite di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda".